




# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN


## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

03 Jamadilakhir 1444 / 27 Disember 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan penurunan yang mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakangan ialah 255 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 332 kes sehari. Sebanyak 32,354 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 5.3% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.




Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **satu kes** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **satu kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
  - ii) Sehingga kelmarin, 26 Disember 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.0%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.5%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **240 kes baru** telah dilaporkan iaitu kesemuanya adalah hasil ujian ART dan sebanyak 46 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Sementara itu, Alhamdulillah, *trend* kes *Influenza* dan jangkitan serupa *Influenza (Influenza-like Illness, ILI)* terus menunjukkan penurunan dan pada minggu lalu telah kembali ke paras normal. Oleh yang demikian, statistik ini tidak lagi akan dikongsikan di dalam Sidang Media COVID-19 selepas minggu ini. Walau bagaimanapun, orang ramai adalah dinasihatkan untuk terus mengamalkan langkah berwaspada. Mereka yang berumur 60 tahun ke atas serta mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan suntikan *Influenza* pada setiap tahun.



4. Sepertimana yang telah dinyatakan semasa sidang media COVID-19 pada 21 November 2022 sebelum ini, vaksin *bivalent Moderna* telah mula digunakan dalam program vaksinasi COVID-19 kebangsaan sebagai dos penggalak bagi orang dewasa yang berumur 18 tahun ke atas. Sementara itu, bekalan vaksin bivalent Pfizer juga dijangka akan tiba pada awal tahun 2023. Untuk makluman orang ramai, kedua-dua vaksin jenis *bivalent* ini adalah vaksin generasi terkini yang menyasarkan bukan sahaja kepada

*strain* COVID-19 yang asli (*ancestral strain*) bahkan juga kepada varian-varian terkini yang berasal dari Omicron. Oleh demikian, vaksinasi *bivalent* ini dapat memberi perlindungan yang lebih baik terhadap varian-varian COVID-19 yang baru dimana kajian telah menunjukkan penggunaan vaksin *bivalent* meningkatkan perlindungan sebanyak 30-50% terhadap penyakit teruk/serius, berbanding dengan hanya menggunakan vaksin generasi-pertama (*first generation*) bersendirian.

5. Kedua-dua vaksin *bivalent* Moderna dan Pfizer ini adalah terbukti selamat dan efektif serta telah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam (BDMCA) dan juga agensi-agensinya regulatori dari beberapa negara lain seperti United States, United Kingdom, Kesatuan Eropah dan Singapura.
  
6. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan mengalakkan orang ramai yang layak dan memenuhi kriteria (seperti yang tertera di skrin) untuk mengambil dos vaksin penggalak bagi mendapat perlindungan maksima terhadap COVID-19. Orang ramai yang ingin mendapatkan dos penggalak samada sebagai dos ketiga atau dos keempat boleh menempah slot vaksinasi di Pusat-Pusat Kesihatan yang berdekatan melalui aplikasi *BruHealth*. Pada masa ini, vaksin *bivalent* hanya ditawarkan kepada orang dewasa yang berumur 18 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan melalui Jawatankuasa Teknikal Vaksin COVID-19 akan sentiasa meneliti segala bukti baru berkaitan keselamatan dan

efikasi penggunaan vaksin *bivalent* bagi kumpulan umur yang lebih muda, dan akan mengemaskini rekomendasi dari semasa ke semasa.

7. Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pengiraan langkah (*steps*) *BN on the Move* di dalam aplikasi *BruHealth* pada masa ini sudah hampir mencecah kepada 19 bilion langkah. Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menggunakan aplikasi *BruHealth* masing-masing bagi membolehkan aplikasi berkenaan mengemaskini kiraan langkah (*steps*) dan seterusnya mencapai matlamat 20 bilion langkah pada penghujung tahun 2022 ini. Pengiraan langkah (*steps*) ini juga boleh dikemaskini walaupun semasa berada di luar negara. #BNonthemove.
  
8. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 03 Jamadilakhir 1444H / 27 Disember 2022